



KERAJAAN MALAYSIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
HOSPITAL SELAYANG



I. KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA (PERKHIDMATAN)

1. Tawaran sebut harga adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berkelayakan berstatus Bumiputera serta berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia seperti berikut:-

KOD SEBUT HARGA	BUTIR TAWARAN	KOD BIDANG	TARIKH DIBUKA	TARIKH SEBUT HARGA DITUTUP
HS ADM/910 (S)11- 03/2026 (SECARA LUAR TALIAN EP)	SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PENYEWAAN KAFETERIA KAKITANGAN DI HOSPITAL SELAYANG KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN	221506: 040101: 040102: 040103: *SILA BAWA BERSAMA DOKUMEN ASAL DAN SALINAN INI SEMASA MENGHADIRI LAWATAN TAPAK	30 SEPTEMBER 2026 (RABU)	07 OKTOBER 2026 (RABU) SEBELUM 12.00 TENGAH HARI
			<u>TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK</u> TARIKH : 30 SEPTEMBER 2026 (RABU) MASA : 10.00 AM PENDAFTARAN : 9.00 PAGI HINGGA 10.00 PAGI LOKASI : BILIK MESYUARAT UTAMA, ARAS 3, HOSPITAL SELAYANG *KEHADIRAN ADALAH DIWAJIBKAN	

2. **Borang Kehadiran Taklimat (Lampiran A)** yang disertakan bersama dokumen sebut harga ini perlu dilengkapi butiran berkaitan dan diserahkan kepada urusetia bertugas untuk pengesahan kehadiran. Bukti kehadiran adalah berdasarkan cop rasmi pengesahan dari hospital ini. Pihak hospital tidak akan bertanggungjawab jika pihak syarikat gagal menyerahkan borang kehadiran semasa sesi taklimat dan kegagalan ini boleh dianggap sebagai tidak menghadiri taklimat. Sebarang rayuan berkenaan perkara ini tidak akan dilayan. **Setiap syarikat hanya dibenarkan menghantar dua (2) orang wakil sahaja.** Kehadiran adalah **DIWAJIBKAN**. Kegagalan untuk menghadiri sesi ini akan menyebabkan tawaran Penyebut Harga ditolak.
3. Semua tawaran kewangan dan teknikal hendaklah dikemukakan pada tarikh tutup tawaran sebut harga dengan dokumen-dokumen tawaran dimasukkan ke dalam dua (2) sampul surat yang berlainan. Kedua-dua sampul surat tersebut

hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul besar dan dikemukakan ke dalam peti sebut harga dengan alamat seperti berikut:-

Pengarah

Hospital Selayang, Kementerian Kesihatan Malaysia
Bahagian Pengurusan, Unit Pentadbiran
Aras 3, Hospital Selayang, Lebuhraya Selayang-Kepong
68100, Batu Caves, Selangor

KOD SEBUT HARGA : HS ADM/910(S)11-03/2026

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PENYEWAAN KAFETERIA KAKITANGAN
DI HOSPITAL SELAYANG KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BAGI
TEMPOH TIGA (3) TAHUN**

**sebelum pukul 12.00 tengah hari pada atau sebelum 07 Oktober 2026 (RABU)
SEBUT HARGA YANG LEWAT TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**

4. Hospital ini tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan borang-borang penyertaan sebut harga akibat daripada kesilapan peti yang dimasukkan atau yang dihantar melalui pos.
5. Iklan sebut harga ini juga boleh dirujuk di laman web Hospital Selayang & Jabatan Kesihatan Negeri Selangor.
6. Hospital Selayang tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga.

Pengarah
Hospital Selayang

